


ARAHAN PENTADBIRAN

UNIVERSITI MALAYA

**(ETIKA BERPAKAIAN DAN
PENAMPILAN PELAJAR) 2024**



Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 P.U.(A) 267/1999, Naib Canselor membuat Arahan Pentadbiran seperti berikut:

1. Nama

- 1) Arahan Pentadbiran ini bolehlah dinamakan **Arahan Pentadbiran Universiti Malaya (Etika Berpakaian dan Penampilan Pelajar) 2024.**
- (2) Arahan Pentadbiran ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya.

2. Etika Am

- (1) Pelajar hendaklah sentiasa -
 - (a) membawa kad matrik semasa berada di dalam kawasan kampus;
 - (b) berpakaian kemas, bersih dan sopan;
 - (c) berambut kemas, rapi dan jika berwarna hendaklah dalam warna tona semula jadi;
 - (d) bertanggungjawab menjaga penampilan dan imej sebagai seorang pelajar Universiti sewaktu berada di kawasan kampus;
 - (e) mematuhi peraturan berpakaian yang telah ditetapkan di dalam peruntukan Arahan Pentadbiran ini bagi tujuan menghadiri majlis rasmi universiti, kuliah, peperiksaan, pejabat, perpustakaan, makmal, bengkel, studio, kerja lapangan, kolej kediaman, surau serta bersukan dan riadah; dan
 - (f) mengambil berat tentang sensitiviti pelbagai budaya.
- (2) Pelajar **tidak dibenarkan** memamerkan *tattoo* di mana-mana anggota tubuh.
- (3) Pelajar **tidak dibenarkan** memakai aksesori bertindik selain di telinga dan hidung.
- (4) Pelajar yang memakai niqab atau pelitup muka hendaklah menanggalkannya atas arahan dan keperluan keselamatan oleh pihak berkuasa atau pihak keselamatan atau atas keperluan tertentu dari semasa ke semasa seperti yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

3. Etika berpakaian semasa menghadiri majlis rasmi Universiti

(1) Semasa menghadiri majlis rasmi Universiti, pelajar hendaklah -

- (a) berpakaian kemas, bersih dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh penganjur dan tidak melanggar mana-mana peruntukan Arahan Pentadbiran ini;
- (b) berambut kemas dan rapi; dan
- (c) memakai kasut bertutup atau yang bersesuaian.

(2) Pelajar **tidak dibenarkan** memakai -

- (a) seluar *jeans*;
- (b) seluar dan skirt pendek di atas paras lutut;
- (c) pakaian ketat dan/atau jarang yang menampakkan tubuh badan;
- (d) baju tanpa lengan;
- (e) baju singkat sehingga menampakkan badan;
- (f) baju dengan fesyen pakaian koyak dan/atau berlubang; dan
- (g) baju yang mempunyai cetakan perkataan/simbol/gambar yang tidak sesuai dan/atau yang boleh mengganggu sensitiviti umum.

4. Etika berpakaian semasa berada di dewan kuliah/menghadiri kuliah dan semasa berurusani di pejabat Universiti

(1) Semasa berada di dewan kuliah/menghadiri kuliah dan semasa berurusani di pejabat Universiti, pelajar hendaklah -

- (a) berpakaian kemas, bersih dan sopan serta tidak melanggar mana-mana peruntukan Arahan Pentadbiran ini;
- (b) berambut kemas dan rapi;
- (c) memakai kasut bertutup atau sandal; dan
- (d) sekiranya memakai seluar *jeans* pelajar hendaklah memastikan ianya tidak koyak dan londeh.

(2) Pelajar **tidak dibenarkan** memakai -

- (a) seluar dan skirt pendek di atas paras lutut;
- (b) pakaian ketat dan/atau jarang yang menampakkan tubuh badan;
- (c) baju singkat sehingga menampakkan badan;
- (d) baju tanpa lengan;
- (e) baju dengan fesyen pakaian koyak dan/atau berlubang; dan
- (f) baju yang mempunyai cetakan perkataan/simbol/gambar yang tidak sesuai dan/atau yang boleh mengganggu sensitiviti umum.

5. Etika berpakaian semasa berada di dewan peperiksaan/menghadiri peperiksaan

- (1) Semasa berada di dewan peperiksaan, pelajar hendaklah –
- (a) berpakaian kemas, bersih dan sopan serta tidak melanggar mana-mana peruntukan Arahan Pentadbiran ini;
 - (b) berambut kemas dan rapi; dan
 - (c) memakai kasut bertutup atau sandal yang tidak menghasilkan bunyi bising.
- (2) Pelajar **tidak dibenarkan** memakai -
- (a) seluar atau skirt pendek di atas paras lutut;
 - (b) pakaian ketat dan/atau jarang yang menampakkan tubuh badan;
 - (c) seluar *jeans* koyak dan londeh;
 - (d) baju tanpa lengan;
 - (e) baju singkat sehingga menampakkan badan;
 - (f) baju dengan fesyen pakaian koyak dan/atau berlubang;
 - (g) baju yang mempunyai cetakan perkataan/simbol/gambar yang tidak sesuai dan/atau yang boleh mengganggu sensitiviti umum;
 - (h) hoodie; dan
 - (i) sebarang bentuk/jenis penutup kepala termasuk topi, songkok, kopiah, *beanie*, rambut palsu dan sebagainya.

6. Etika berpakaian semasa berada di perpustakaan

- (1) Semasa berada di perpustakaan, pelajar hendaklah –
- (a) berpakaian kemas, bersih dan sopan serta tidak melanggar mana-mana peruntukan Arahan Pentadbiran ini;
 - (b) berambut kemas dan rapi; dan
 - (c) memakai kasut atau sandal yang tidak menghasilkan bunyi bising.
- (2) Pelajar **tidak dibenarkan** memakai -
- (a) seluar dan skirt pendek di atas paras lutut;
 - (b) pakaian ketat dan/atau jarang yang menampakkan tubuh badan;
 - (c) seluar *jeans* koyak dan londeh;
 - (d) baju tanpa lengan;
 - (e) baju singkat sehingga menampakkan badan;
 - (f) baju dengan fesyen pakaian koyak dan/atau berlubang; dan
 - (g) baju yang mempunyai cetakan perkataan/simbol/gambar yang tidak sesuai dan/atau yang boleh mengganggu sensitiviti umum.

7. Etika berpakaian semasa berada di kolej kediaman

Semasa berada di kolej kediaman, pelajar hendaklah -

- (a) berpakaian kemas, bersih dan sopan semasa berada di luar bilik kediaman dan mana-mana kawasan termasuk pejabat, dewan, kafeteria serta kemudahan lain di dalam kolej kediaman;
- (b) berambut kemas dan rapi; dan
- (c) mengikuti peruntukan Arahan Pentadbiran ketika menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.

8. ETIKA BERPAKAIAN SEMASA MENJALANKAN AKTIVITI DI MAKMAL, BENGKEL, STUDIO ATAU KERJA LAPANGAN

Semasa menjalankan aktiviti di makmal, bengkel, studio atau kerja lapangan, pelajar hendaklah -

- (a) mematuhi etika berpakaian di bawah peraturan makmal, bengkel, studio atau kerja lapangan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut;
- (b) memakai *lab coat* atau jaket makmal serta kasut yang bertutup sempurna (bahagian hadapan dan belakang kaki) semasa berada di makmal, bengkel atau studio;
- (c) menggunakan alat pelindung diri (PPE) seperti goggles, sarung tangan, pelindung pendengaran dan pelindung muka mengikut peraturan dan panduan keselamatan makmal, bengkel dan kerja lapangan yang dilakukan;
- (d) memakai pakaian yang selesa, sesuai dengan badan dan bebas dari koyak atau lubang yang boleh mengancam keselamatan;
- (e) memastikan tudung kepala dimasukkan ke dalam *lab coat* / jaket makmal atau bengkel;
- (f) memastikan rambut yang panjang diikat rapi bagi mengelakkan bahaya semasa menggunakan peralatan dan mesin;
- (g) tidak dibenarkan memakai perhiasan dan aksesori seperti rantai panjang, cincin, tali leher, gelang tangan dan anting-anting bergantung yang boleh mendatangkan risiko keselamatan; dan
- (h) memakai pakaian yang bersesuaian mengikut jenis kerja, potensi bahaya dan lokasi kerja lapangan yang dijalankan.

9. Etika berpakaian semasa berada di kawasan sukan dan riadah

Semasa menjalankan aktiviti sukan dan riadah, pelajar hendaklah -

- (a) mematuhi etika pakaian dan peraturan yang ditetapkan dalam aktiviti tersebut;
- (b) memastikan baju tidak singkat sehingga menampakkan bahagian badan; dan
- (c) memastikan pakaian renang hanya dipakai ketika berada di dalam kawasan kolam renang sahaja.

10. Etika berpakaian semasa berada di surau

Pelajar hendaklah berpakaian bersih, sopan dan menutup aurat semasa berada di dalam surau dan sekitarnya.

11. Penguatkuasaan

Semua staf universiti termasuk staf akademik, pentadbiran, perpustakaan dan keselamatan adalah diberi kuasa memberi teguran sama ada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana pelajar yang didapati melanggar mana-mana peruntukan di dalam Arahan Pentadbiran ini atau melaksanakan tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di Arahan 12(1) dan (2).

12. Tindakan terhadap pelajar yang melakukan pelanggaran Arahan Pentadbiran

- (1) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peruntukan Arahan Pentadbiran ini boleh dihalang daripada memasuki atau berurus di kawasan yang dikuatkuasakan peruntukan Arahan Pentadbiran ini atau apa-apa tindakan pentadbiran lain yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
- (2) Pusat Tanggungjawab boleh merekodkan dan melapor kepada Sekretariat Tatatertib Pelajar untuk tindakan sewajarnya terhadap pelajar yang melakukan pelanggaran Arahan Pentadbiran.

UNIVERSITI MALAYA

ADMINISTRATIVE DIRECTIONS

(STUDENT DRESS CODE AND APPEARANCE) 2024



In exercise of the powers conferred by Rule 26 of the University of Malaya (Discipline of Students) Rules 1999 P.U.(A) 267/1999, the Vice-Chancellor makes the following Administrative Directions :

1. Citation

1) These Administrative Directions may be cited as the **Universiti Malaya Administrative Directions (Student Dress Code and Appearance) 2024**.

(2) These Administrative Directions shall apply to all students of Universiti Malaya.

2. General Codes

(1) A student shall at all times: -

- (a) carry the matriculation card while on the campus;
- (b) dress in smart, clean, and modest attire;
- (c) keep neat and well-groomed hair; and if coloured, should be in a natural colour tone;
- (d) responsible for maintaining the appearance and image as a University student while on campus;

- (e) comply with the dress code that has been set in the provisions of these Administrative Directions for the purpose of attending official university functions, lectures, examinations, offices, libraries, laboratories, workshops, studios, field work, residential colleges, suraus as well as sports and leisure; and
- (f) take into account the sensitivity of various cultures.

(2) A student is **not allowed** to display tattoos on any body part.

(3) A student is **not allowed** to wear pierced accessories other than in the ears and nose.

(4) A student who wears a niqab or face mask must remove it when instructed and due to safety requirements by the authorities or security or upon specific requirements from time to time as determined by the University.

3. Dress code when attending official functions of the University

(1) When attending official functions of the University, a student shall –

- (a) dress in smart, clean, and modest attire in accordance with the dress code set by the organiser and do not violate any provisions of these Administrative Directions;
- (b) keep neat and well-groomed hair; and
- (c) wear closed or appropriate shoes.

(2) A student is **not allowed** to wear –

- (a) jeans;
- (b) trousers and short skirts which are above knee level;
- (c) tight and/or sparse clothing that reveals the body;
- (d) sleeveless shirts;
- (e) short shirts that reveal the body;
- (f) shirts with ripped fashion and/or with holes; and
- (g) shirts with printed words/symbols/images that are inappropriate and/or that may disturb general sensitivities.

4. Dress code when in the lecture hall/attending lectures and when dealing with University's offices

(1) When in the lecture hall/attending lectures and while dealing with the University's offices, a student shall –

- (a) dress in smart, clean, and modest attire and do not violate any provisions of these Administrative Directions;
- (b) keep neat and well-groomed hair;
- (c) wear closed shoes or sandals; and
- (d) if jeans are worn, the student shall ensure that they are not torn or frayed.

(2) A student is **not allowed** to wear –

- (a) trousers and short skirts which are above knee level;
- (b) tight and/or sparse clothing that reveals the body;
- (c) short shirts that reveal the body;
- (d) sleeveless shirts;
- (e) shirts with ripped fashion and/or with holes; and
- (f) shirts with printed words/symbols/images that are inappropriate and/or that may disturb general sensitivities.

5. Dress code when in the examination hall/attending examinations

(1) When in the examination hall, a student shall –

- (a) dress in smart, clean, and modest attire and do not violate any provisions of these Administrative Directions;
- (b) keep neat and well-groomed hair; and
- (c) wear closed shoes or sandals that do not produce noise.

(2) A student is **not allowed** to wear –

- (a) trousers and short skirts which are above knee level;
- (b) tight and/or sparse clothing that reveals the body;
- (c) ripped and frayed jeans;
- (d) sleeveless shirts;
- (e) short shirts that reveal the body;
- (f) shirts with ripped fashion and/or with holes;
- (g) shirts with printed words/symbols/images that are inappropriate and/or that may disturb general sensitivities;
- (h) hoodies; and
- (i) any forms/types of head covering including hats, caps, hats, beanies, wigs and so on.

6. Dress code when at the library

(1) When in at the library, a student shall –

- (a) dress in smart, clean, and modest attire and do not violate any provisions of these Administrative Directions;
- (b) keep neat and well-groomed hair; and
- (c) wear closed shoes or sandals that do not produce noise.

(2) A student is **not allowed** to wear –

- (a) trousers and short skirts which are above knee level;
- (b) tight and/or sparse clothing that reveals the body;
- (c) ripped and frayed jeans;
- (d) sleeveless shirts;
- (e) short shirts that reveal the body;
- (f) shirts with ripped fashion and/or with holes;
- (g) shirts with printed words/symbols/images that are inappropriate and/or that may disturb general sensitivities.

7. Dress code when at the residential college

When at the residential college, a student shall –

- (a) dress in smart, clean, and modest attire when outside the residential room and any areas including offices, halls, cafeterias, and other facilities within the residential college.
- (b) keep neat and well-groomed hair; and
- (c) comply with the provisions of the Administrative Directions when attending official functions held at the residential college.

8. DRESS CODE WHEN CARRYING OUT ACTIVITIES AT LABORATORIES,WORKSHOPS, STUDIOS, OR FIELDWORK

When carrying out activities at laboratories, workshops, studios or field work, a student shall –

- (a) comply with the dress code under the laboratory, workshop, studio or fieldwork rules set for the activity;
- (b) wear a lab coat or lab jacket, and shoes that are completely covered (front and back of the feet) while in the laboratory, workshop or studio;
- (c) use personal protective equipment (PPE) such as goggles, gloves, hearing protection, and face protection in accordance with the rules and safety guidelines of laboratories, workshops, and fieldwork that is carried out;
- (d) wear comfortable clothes that are fit and free of tears or holes that could be a threat to safety;
- (e) ensure that the headscarf is inserted into the lab coat / jacket of the laboratory or workshop;
- (f) ensure that long hair is neatly tied to avoid danger when using equipment and machines;
- (g) not be allowed to wear jewellery and accessories such as long chains, rings, neckties, bracelets and dangle earrings that could pose a safety risk; and
- (h) wear appropriate clothing according to the type of work, the potential danger and the location of the fieldwork being carried out.

9. Dress code when at the sports and leisure areas

When carrying out sports and leisure activities, a student shall –

- (a) comply with dress code and rules set for the activity;
- (b) ensure that the shirt is not too short that it reveals body part(s); and
- (c) ensure that swimwear is worn only when inside the swimming pool area.

10. Dress code when at the suraus

A student shall should dress in clean and modest attire, and cover his aurah when in the surau and within the surau area.

11. Enforcement

All university staff members including academic, administrative, library, and security are authorised to reprimand either verbally or in writing to any student who is found to be in violation of any of the provisions in these Administrative Directions or to take action as provided in Directions 12(1) and (2).

12. Actions against student who violates Administrative Directions

- (1) Any student who does not comply with the provisions of these Administrative Directions may be prevented from entering or dealing in the area where the provisions of these Administrative Directions are enforced or any other administrative actions determined from time to time.
- (2) The Responsibility Centre may record and report to the Student Disciplinary Secretariat for further action against the student who violates Administrative Directions.